

## **SISTEM PEMBELAJARAN DAN KAEADAH HAFAZAN AL-QURAN: SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH/MAAHAD HAFIZ JERAM (BANAT) DAN MAAHAD TAHFIZ SULAIMANIYYAH KAJANG**

**Abd.Aziz Abdullah**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Abd.Aziz Che Ibrahim**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Suhaimi Abu Hasan**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Mahmood Sabtu**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: azizabdullah@kuim.edu.my*

### ***Article history:***

*Received : 18 June 2021*

*Accepted : 13 August 2021*

*Published : 10 September 2021*

### **ABSTRAK**

Penyelidikan yang dijalankan ini ialah untuk mengkaji Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran di dua buah institusi tahfiz di Malaysia iaitu di Sekolah Menengah / Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah (Kajang) Selangor. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti sejarah perkembangan sistem dan kaedah hafazan al-quran, mengkaji kaedah yang digunakan di dalam pembelajaran dan penghafazan al-Quran serta kesannya terhadap pelajar. Kajian ini menggabungkan metode kuantitatif dan kualitatif dimana seramai 44 orang responden terpilih dalam kalangan pelajar dari di kedua-dua institusi tahfiz telah diedarkan borang soal selidik di samping membuat temubual bagi mendapatkan maklumat serta mengadakan kajian kepustakaan. Keseluruhan data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini adalah mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

**Kata Kunci :** Hafazan Al-Quran, Sistem Pembelajaran Tahfiz

## ***LEARNING SYSTEM AND METHOD OF HAFAZAN AL-QURAN: A STUDY SEKOLAH MENENGAH / MAAHAD HAFIZ JERAM (BANAT) DAN MAAHAD TAHFIZ SULAIMANIYYAH (KAJANG)***

### **ABSTRACT**

*The research conducted is to study the Learning System and Method of Hafazan al-Quran in two tahfiz institutions in Malaysia, namely in Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) and Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah (Kajang) Selangor. The purpose of the study is to identify the history of system development and the method of memorizing the Quran, studying the methods used in learning and memorizing the Quran and its effect on students. This study combines quantitative and qualitative methods where a total of 44 respondents selected among students from both institutions tahfiz were distributed forms questionnaires in addition to making interviews to obtain information and conduct a literature review. All data obtained were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21.0. Overall, this study is to achieve the objectives set by researchers.*

**Keywords:** *Hafazan Al-Quran, Tahfiz Learning System*

### **PENGENALAN**

Menghafaz al-Quran merupakan suatu tuntutan fardhu kifayah kepada umat Islam. Ia adalah kesinambungan daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para ulama terdahulu, malah semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w. sendiri. Senario di Malaysia khususnya memperlihatkan bahawa usaha ini semakin mendapat perhatian daripada masyarakat Islam. Ramai Ibu bapa telah menghantar anak mereka mempelajari bidang tahfiz ini sebaik sahaja tamat di peringkat sekolah rendah, malah terdapat juga segelintir mereka yang telah memulakan usaha ini sewaktu anak mereka masih bersekolah rendah lagi.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai satu mukjizat dan tanda kenabian baginda. Kitab al-Quran diturunkan bukan sekadar dituntut untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan, malah ia turut dituntut untuk dihofal oleh umat Islam tidak kira sama ada menghafal keseluruhan atau sebahagian ayat-ayat tersebut.

Sejak dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga hari kiamat, al-Quran pasti akan terus terpelihara kerana itu adalah jaminan Allah s.w.t. Salah satu proses pemeliharaan al-Quran adalah melalui penghafalan ayat-ayat al-Quran. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana ia memerlukan kepada kecekalan, semangat yang jitu, ketekunan serta pengorbanan yang cukup tinggi kerana golongan penghafaz al-Quran ini pasti

akan berhadapan dengan berbagai-bagai ujian dalam usaha memelihara hafazan mereka.

## KAJIAN LITERATUR

Pendidikan tafsir al-Quran merupakan antara pendidikan terawal dalam sejarah pendidikan Islam, yang mana ia bertujuan untuk menjaga dan memelihara isi-isi al-Quran, dan ia juga merupakan daripada cabang pendidikan al-Quran, melalui pembelajaran al-Quran bukan sekadar membaca sahaja tetapi merangkumi kefahaman, hafazan dan penghayatan (al-Badri, 1982).

Menurut Abdul Hafiz *et.al.* (2005), pendidikan tafsir al-Quran merangkumi sistem pembelajaran seperti bacaan qiraat, kaedah hafazan, penterjemahan, pengajian tafsir, pengajian hukum dan sebagainya. Oleh yang demikian, tafsir al-Quran adalah merupakan sebahagian daripada pendidikan Islam dan menjadi tuntutan kepada umat Islam demi memelihara al-Quran daripada berlakunya perubahan dan menjamin tawaturnya (al-Hamadi, 1987; Mohd Yusof, 2004). Menurut Mohd Aderi (2008), untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran yang berkesan, gabungan pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan melibatkan strategi, pendekatan, teknik, aktiviti dan kaedah. Beliau telah merumuskan bahawa kesepadan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi kualiti pencapaian al-Quran.

Justeru itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran, kesepadan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Mohd Aderi, 2008) diubati suai dengan pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran. Kesepadan tersebut merangkumi strategi, aktiviti, adab, kaedah dan teknik yang telah disentuh oleh tokoh pendidikan tafsir bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran demi mencapai matlamat dan objektif yang berkesan. Strategi merupakan perancangan yang teratur dalam usaha menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran yang merangkumi persediaan, proses menghafaz, pengukuhan hafazan dan pengekalan hafazan. Di samping itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran pula merupakan rangsangan kepada pelajar dalam memberikan peluang kepada pelajar untuk mengukuhkan dan memantapkan hafazan yang merangkumi tasmi' bersama rakan-rakan, membaca dalam solat, mendengar ayat al-Quran dan sebagainya. Di dalam konteks adab, ia merupakan amalan yang seharusnya dilakukan demi memelihara kemuliaan al-Quran.

Menurut Sharifah Alwiyyah Alsagot, (1984) dan Ahmad, (2002), kaedah adalah satu ciri tindakan yang sistematik yang bertujuan mencapai objektif pelajaran dengan langkah yang tersusun dalam jangka masa pendek. Kaedah juga bermaksud jalan usaha untuk mencapai tujuan. Tegasnya, setiap cara yang dilakukan adalah untuk memberikan kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran dan kaedah.

Antara kaedah tersebut Ahwani (1995) telah menyatakan bahawa, hafazan al-Quran dengan cara talaqqi dan musyafahah adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran. Kaedah talaqqi bererti guru

menyebut ayat al-Quran, kemudian pelajar menyebut dan mengulangi apa yang disebut oleh guru tersebut sehingga dapat menghafaznya dengan lancar. menurut Abu Najihat (2002) kaedah talaqqi dan musyafahah merupakan kaedah asas dan syarat utama dalam pengajaran dan pembelajaran tahlif al-Quran. Menurut beliau, terdapat dua cara yang biasa digunakan dalam proses talaqqi dan musyafahah. Pertama, guru membacakan al-Quran di hadapan pelajar sambil pelajar mendengarnya dengan teliti. Kemudian pelajar mengikuti sebagaimana yang telah dibacakan oleh guru tersebut. Kedua, pelajar membaca di hadapan guru dan guru hanya menyemak serta membetulkan mana-mana bacaan yang salah. Cara yang paling baik adalah digabungkan kedua-dua cara ini bagi menghasilkan kualiti yang lebih baik dalam hafazan al-Quran.

Pandangan Abu al-Fida’ (2006) juga menyarankan agar menggunakan kaedah talaqqi dalam menghafaz al-Quran kerana kaedah talaqqi merupakan kaedah yang diguna pakai oleh Baginda Rasulullah saw dalam menghafaz al-Quran semasa penurunan wahyu. Rasulullah saw mendengar daripada Jibril as dan seterusnya Baginda mengikuti apa yang dibaca oleh Jibril as.

Firman Allah swt yang bermaksud: *Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan. (Surah al-Qiamah ayat 16-19)*

Kaedah ini juga bertujuan bagi memastikan bacaan pelajar dan hafazan pelajar bertepatan dengan hukum tajwid dan fasohah al-Quran serta menjamin kesahihan hafazan al-Quran.

## PENYATAAN MASALAH

Namun disebalik keghairahan pembinaan dan penubuhan institusi tahlif al-Quran ini, terdapat pula kekecewaan dikalangan ibu bapa yang mana anaknya diberhentikan daripada pengajian kerana kegagalan mereka menghafaz dalam tempoh yang ditetapkan. Tambahan pula, timbul masalah yang mana ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahlif di setiap negeri iaitu pengendali tahlif bebas menggunakan mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari mana-mana negara mengikut latar belakang pendidikan guru tahlif berkenaan (Azmil Hashim, 2010). Wan Muhammad (1997) telah menyatakan bahawa disebabkan ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahlif tersebut, ia menyebabkan guru tahlif mengajar berdasarkan pengalaman mereka tanpa mengikut kaedah yang tertentu. Oleh yang demikian sistem pengajian yang

dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah sistem pengajaran yang khusus dan teratur. Ketidakseragaman kaedah pembelajaran tafsir boleh membawa kepada masalah yang lain pula, iaitu dalam aspek pencapaian hafazan murid.

Kesemua pusat tafsir mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain merangkumi struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan. Namun pendidikan tafsir kerajaan menjadi pilihan kerana memiliki struktur pendidikan yang teratur dan sistematik. Kesan daripada ketidakseragaman sistem pendidikan tafsir tersebut, ia telah mengundang kepada pelbagai masalah dalam aspek pencapaian hafazan pelajar, yang mana pada asalnya matlamat utama pusat tafsir adalah untuk melahirkan para huffaz yang menghafaz 30 juzu' al-Quran.

Dalam kajian-kajian lepas, ada membuktikan bahawa masalah pencapaian murid dalam tafsir al-Quran seperti mana yang dinyatakan oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) iaitu sebanyak 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzu' dalam masa enam semester. Begitu juga satu kajian yang dijalankan oleh Azmil Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tafsir di Darul Quran dan MTQN. Beliau mendapati pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tafsir yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatkan ujian syafawi pula jelas menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam aspek kelancaran hafazan al-Quran masih lemah.

Selain itu, pencapaian pengekalan terhadap hafazan turut berada pada tahap yang lemah. Antara yang telah dikenal pasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tafsir ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tafsir serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tafsir (Mohamad Marzuqi, 2008; Azmil Hashim, 2010) walaupun guru berkenaan bersetuju bahawa penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran (Mohamad Marzuqi, 2008). Sistem pendidikan tafsir itu disifatkan masih lemah kerana ketiadaan model yang jelas dan ketiadaan guru yang berwibawa. Sistem pendidikan yang wujud di institusi tafsir terutamanya institusi tafsir sains sangat berat dan mencabar kemampuan pelajar. Kajian Hisham (2014) menyatakan bahawa komponen agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi pembelajaran beserta dengan subjek hafazan yang ada, mengakibatkan waktu pembelajaran terlampaui padat.

Justeru itu, pelajar perlu belajar selama hampir 12 jam sehari bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 4.30 petang dan bersambung dengan kelas tambahan di sebelah malam. Kajian Mardhiah (2017) menyatakan bahawa, punca pelajar tidak dapat menghabiskan *muqarrar* al-Quran kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengatur masa dengan baik. Lebih merugikan lagi apabila waktu kelas *tasmi'* dipindahkan kepada subjek akademik untuk memberi laluan kepada pelajar agar memberi tumpuan kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Adakah dengan menghafaz al-Quran akan menjadikan pelajar kurang fokus

dengan subjek akademik? Adakah dengan menghafaz al-Quran menjadikan masa pelajar-pelajar untuk belajar subjek akademik akan berkurangan?.

Segala persoalan yang timbul ini menunjukkan bahawa punca ketiadaan sistem dan kaedah yang jelas di institusi tahniz menjadikan sesebuah institut tersebut berjalan dengan haluan sendiri sepertimana yang telah disebut dalam Kajian Azmil pada tahun 2010. Permasalahan yang dibentangkan ini harus diberi perhatian dan penyelesaian dengan segera agar institusi-institusi tahniz yang semakin lama semakin banyak di Malaysia ini lebih terarah dari segi kurikulum serta aktiviti yang dilaksanakan.

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN

Objektif kajian yang ingin dicapai adalah:

- i. Mengenal pasti sejarah perkembangan sistem pembelajaran hafazan al-Quran di Malaysia.
- ii. Mengkaji kaedah hafazan yang digunakan oleh pelajar di antara Sekolah Menengah / Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang.
- iii. Menganalisis kesan terhadap sistem pembelajaran dan kedah hafazan al-Quran yang telah digunakan oleh pelajar di antara Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang

Persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian yang ingin dikaji adalah :

- i. Apakah sejarah sistem pembelajaran hafazan di Malaysia?
- ii. Apakah kaedah hafazan al-Quran yang digunakan di Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang?
- iii. Apakah kesan terhadap sistem pembelajaran dan kedah hafazan al-Quran diamalkan di Sekolah Menengah / Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang?

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan satu perancangan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajian (Syed Arabi, 1998) dan memberarkan pengkaji mencari kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif bagi menjawab objektif kajian yang dijalankan. Kajian yang terbaik menurut Neuman W. Lawrence (2000) adalah kajian yang mengabungkan ciri-ciri yang terdapat dalam bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif kerana kelemahan dan kekuatan yang terdapat dalam kedua-dua bentuk kajian tersebut akan saling melengkapkan satu sama lain.

Kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dijalankan dengan menemuramah responden yang terlibat sama ada pelajar atau pun pihak pentadbir sekolah. Melalui kaedah ini juga soal selidik turut dijalankan bagi memenuhi kehendak objektif kajian lain. Pengkaji memilih pendekatan ini kerana kaedah ini dapat mengumpul dan mendapat data terpiai dengan lebih tepat dan mudah.

Selain itu, reka bentuk kajian ini dipilih kerana menurut Mohd Majid (2005), ia amat relevan dan sesuai apabila sesuatu kajian itu melibatkan populasi yang besar.

### **Populasi Dan Sampel**

Kaedah penentuan sampel ini digunakan oleh pengkaji bagi membatasi jumlah bilangan responden yang akan dilibatkan dalam sesebuah kajian. Ianya bagi memudahkan pengkaji mendapat data dan maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian kecil populasi. Pensampelan sistematik juga digunakan untuk menambah ketepatan keputusan. Pemilihan responden di dalam kajian ini bermula dengan mendapat keizinan dari pihak sekolah.

Justeru itu, 44 orang pelajar yang menjadi sampel penelitian pengkaji yang dipilih telah mencapai 20 juzu' dan ke atas, kerana untuk mendapatkan hasil daripada kesan kaedah hafazan al-Quran yang telah digunakan oleh kedua-dua tempat kajian.

### **Tatacara Pengumpulan Data**

Semasa melakukan kajian, pengkaji perlu melalui beberapa tatacara kajian yang betul supaya kajian yang dilakukan adalah lebih sistematik dan tersusun. Semua data yang dikumpul akan diteliti satu persatu supaya hasil pengolahan data serta penganalisaan data menepati piawaian dan mencapai objektif kajian.

Antara proses yang dilakukan ialah penentuan lokasi kajian di Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang Selangor. Pengkaji menjalankan temubual kepada beberapa orang guru dan murid serta mengedarkan borang soal selidik secara bersemuka dengan mendapat keizinan daripada pihak sekolah. Seramai 44 orang responden dipilih terdiri daripada pelajar perempuan dan lelaki yang dipilih. Kemudian semua hasil temudbual direkod dan boring edaran soal selidik pelajar dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan jadual taburan skor kekerapan.

### **Limitasi Kajian**

#### i. Limitasi Masa

Pengkaji memulakan kajian dengan proses temubual, mengedarkan soal selidik bermula pada tarikh 11 Mac 2020 dan 22 April 2020. Manakala analisis dokumen pula dilakukan sepanjang kajian berlangsung.

#### ii. Limitasi Tempat

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. Lokasi kajian ini dipilih berdasarkan senarai Maahad Tahfiz daripada Persatuan Madrasah Tahfiz al-Quran Malaysia (PERMATA), Bahagian Pendidikan Islam JAIS dan rakan kerjasama daripada pusat Zakat Selangor. Pemilihan institusi tahfiz ini adalah kerana mempunyai pelajar yang mana telah mencapai tahap

hafazan al-Qurannya sebanyak 20 juzu’ dan ke atas. Selain itu, kedua-dua buah institusi tahnif ini juga menjadi tumpuan berdasarkan kepada jumlah pelajar dan permohonan masuk yang sentiasa meningkat pada setiap tahun. Institusi tahnif yang lain tidak dipilih kerana kebanyakannya pelajar di maaahad tersebut masih belum mencapai tahap hafazan al-Qurannya sehingga ke 20 juzu’ dan ke atas selain dari segi pentadbiran yang kurang memberi kerjasama. Oleh kerana itu, Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahnif Sulaimaniyyah Kajang, telah dipilih oleh pengkaji sebagai lokasi kajian.

iii. Limitasi Kajian

Skop penyelidikan ini hanya memberi fokus mengenai keberkesanannya sistem pembelajaran dan pengajaran kaedah hafazan al-Quran di Maahad/Sekolah Menengah Hafiz, Jeram Selangor dan Maahad Tahnif Sulaimaniyyah, Kajang Selangor. Aspek-aspek lain seperti pencapaian akademik tidak diberi fokus.

## KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan SPSS Version 21.0 (*Statistical Package For Social Science*) dan dinyatakan dalam bentuk min, dan sisisian piawai. Persempahan data-data akan dibuat dalam bentuk jadual dan jika bersesuaian akan dipersembahkan dalam bentuk graf. Pelaksanaan ujian statistik dengan menentukan aras signifikan terlebih dahulu dapat diselesaikan serentak oleh program perisian yang digunakan. Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (Cohen, 2000).

### Temubual

Dalam temubual yang dijalankan bersama pengetua Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) iaitu Ustazah Husna Binti Haneefa (11 Mac 2020), beliau mengatakan bahawa pembahagian sesi dibahagikan kepada dua, iaitu sesi *tasmi'* Hafazan dan sesi Menghafaz. Sesi *Tasmi'* Hafazan bermula dari jam 7.45 pagi sehingga 9.00 pagi sementara sesi menghafaz pula bermula dari selepas solat maghrib sehingga jam 11.00 malam. Beliau juga menyatakan bahawa Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) ini dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu Hafazan Jadid (Hafazan Baru), Murajaah Yaumiyah (Ulangan Harian), Murajaah Usbu'iyah (Ulangan Mingguan) dan Ithbat. Sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) untuk para pelajarnya adalah sebanyak 6 juzu’ dalam tempoh 1 tahun pengajian.

#### i. Sistem Peperiksaan

Di dalam temubual ini juga, pengkaji dimaklumkan bahawa peperiksaan hafazan hanya akan diadakan sebanyak dua kali dalam setahun iaitu pada waktu

pertengahan tahun dan akhir tahun. Peperiksaan ini merupakan penilaian dalam bentuk *Syafawi* dan *Tahriri*. Peperiksaan *Syafawi* ialah peperiksaan secara lisan dan soalan-soalan yang akan ditanya adalah berdasarkan ayat al-Quran daripada juzu'-juzu' yang telah mereka capai pada tahun tersebut. Selain daripada *Syafawi*, para pelajar juga akan mendalami peperiksaan komponen al-Quran yang lain seperti Peperiksaan al-Quran *Tahriri* iaitu al-Quran Bertulis. Kesemua markah peperiksaan ini akan dirangkumkan dan dikira di bawah satu subjek iaitu al-Quran.

## **ii. Kaedah Hafazan Yang Diterapkan di Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat)**

Ketua bidang hafazan yang telah berpengalaman dalam bidang ini turut memberi penjelasan mengenai kaedah hafazan yang digunakan di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) ini. Menurut beliau, kaedah hafazan yang digunakan ialah diambil daripada pendapat Imam Malik dalam aspek penghafazan serta menggunakan kaedah maahad sendiri. Di sekolah ini juga mementingkan aspek pengulangan hafazan di samping konsisten dalam hafazan yang baru.

Bagi pelajar yang baru, mereka diwajibkan untuk mula menghafaz daripada juzu' Amma atau juzu' 30 terlebih dahulu, kemudian barulah mereka akan mula menghafaz juzu' 1 sehingga mencapai muqarrar dalam tahun tersebut iaitu sebanyak 6 juzu' setahun. Ayat-ayat al-Quran ini akan dihafaz secara mengulang-ulang sehingga lancar. Setelah itu, ayat-ayat yang dihafaz ini pula akan disemak oleh rakan-rakan mereka. Hal ini adalah supaya pelajar dapat mengingati bacaan tersebut dengan baik sewaktu pelajar menghantar tasmi' dihadapan guru mereka.

Selain daripada itu, sebelum pelajar ingin menghantar tasmi' hafazan baru, pihak maahad telah menyediakan beberapa teknik yang perlu mereka ikuti, iaitu mereka perlu membawa *mushaf* mereka sendiri, buku rekod hafazan dan *Mushaf Tahriri*. Menerusi kaedah *Mushaf Tahriri* ini, para pelajar perlu menyalin semula bacaan ayat al-Quran tersebut dengan menggunakan tangan iaitu mengikut muka surat yang mereka ingin *tasmi'* dan biasanya adalah ayat dalam hafazan baru mereka. *Mushaf Tahriri* ini akan disemak oleh guru *tasmi'* pada setiap minggu.

## **Soal Selidik**

Berdasarkan instrumen kajian borang soal selidik ini, pengkaji ingin mengukur sejauhmana keberkesanan sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang digunakan di antara Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang dengan berpandukan skala likert. Skala likert tersebut terdiri daripada lima kategori skor iaitu 1 = (Sangat Tidak Setuju), 2 =(Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju), 5 (Sangat Setuju) seperti jadual 1 di bawah:

Sebanyak 44 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dan mereka mengembalikan terus borang tersebut kepada pengkaji. Pengkaji

membahagikan borang kaji selidik ini kepada dua bahagian yang utama. Bahagian A adalah maklumat atau data peribadi atau demografi yang terdiri daripada jantina, umur, tempat asal, tempat semasa menuntut dan lain-lain, manakala bahagian B adalah soal selidik yang berkaitan dengan kesan terhadap sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang telah digunakan oleh dua maahad tersebut.

### Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam melalui alat ukuran yang digunakan. Selain daripada itu, menurut Alias (1999), tujuan kajian rintis adalah untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item soal selidik, mengenalpasti kelemahan alat dan tatacara kajian serta ketepatan item-item yang dibina. Borang soal selidik diedarkan kepada sekumpulan responden yang mempunyai sifat yang sama dengan responden dalam kajian yang sebenar.

Jadual 1: Skor Alpha-Cronbach

Bil	Skor Alpha-Cronbach	Kebolehpercayaan
1	0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap
2	0.8 – 0.9	Konsistensi yang tinggi
3	0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
4	0.6 – 0.7	Boleh diterima
5	< 0.6	Item perlu dibaiki
6	< 0.5	Item perlu digugurkan

Jadual 2: Interpretasi Skor Alpha-Cronbach (Bond & Fox 2007)

Skor Alpha-Cronbach	Jumlah Item
0.764	36

Dalam kajian ini, pengkaji mengedarkan sebanyak 6 borang soal selidik kepada pelajar tahniz di Maahad Tahfiz yang berlainan. Kajian rintis ini dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji sama ada soal selidik yang disediakan dapat mencapai tahap pemahaman responden atau tidak, mengenalpasti kesalahan ejaan dan sebagainya. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, skor Alpha-Cronbach yang diperoleh adalah sebanyak 0.764. Hal ini bermakna kebolehpercayaan terhadap item soal selidik adalah baik dan boleh diterima. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pelajar tahniz di maahad tersebut sangat memahami isi kandungan soal selidik. Pelajar dapat membaca soalan dengan jelas dan soalan yang diajukan tidak mengelirukan pelajar. Pengkaji telah mendapat maklum balas ini semasa ujian dijalankan dan membuat perbincangan bersama pelajar tahniz di maahad tersebut.

## ANALISA DOKUMEN

Melalui instrumen ini, pengkaji merujuk kepada beberapa buku, artikel, jurnal, tesis dan sebagainya yang berkaitan dengan al-Quran, teknik hafazan dan bahan-bahan yang berkaitan, bertujuan untuk menambahkan data-data bagi melengkapkan dan mengukuhkan lagi fakta-fakta di dalam kajian ini. Bahan-bahan tersebut didapati beberapa buah perpustakaan:

1. Universiti Kebangsaan
2. Universiti Malaya
3. Perpustakaan Munsyi Kolej Universiti Islam Melaka

Proses penganalisisan data pada bahagian ini dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian secara lebih terperinci berdasarkan setiap satu item soalan yang dikemukakan. Kaedah analisis deskriptif digunakan iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skor min yang digunakan adalah berdasarkan kepada skor yang direkodkan pada empat tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana rendah, tahap sederhana, tinggi dan tahap tinggi. Bagi mengetahui tahap nilai min bagi tiap-tiap pemboleh ubah yang dikaji, pengkaji mengategorikan dan menginterpretsikan skor min ke dalam empat tahap seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3 : Interpreensi Skor Min

Skor Min	Interpreensi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Antara yang dianalisis di dalam bahagian ini adalah daripada aspek kesan terhadap sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang digunakan di kedua-dua maahad iaitu Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang.

### **Jadual Kekerapan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Kesan Terhadap Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat)**

Jadual 4: Adab & Akhlak

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan					Min	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS		
11	Saya menggunakan nada suara yang kuat semasa tasmi'				2	5	4.71	Tinggi
					28.6%	71.4%		

13	Saya akan bersiwak dan berwudhu sebelum menghafaz	3	3	1	3.71	Sederhana Tinggi
14	Saya menghadap kiblat ketika menghafaz	3	2	2	3.85	Sederhana Tinggi
		42.9%	42.9%	14.3%		
		42.9%	28.6%	28.6%		

Berdasarkan Jadual 4, adalah item-item yang berkaitan tema amalan adab & akhlak di kalangan pelajar dengan 3 item soalan. Item 11 mencatatkan interpretasi tinggi (min=4.71), item 13 mencatatkan interpretasi sederhana tinggi (min=3.71), dan item 14 mencatatkan interpretasi sederhana tinggi (min=3.85).

Jadual 5: Amalan kaedah takrir, talaqi dan musyafahah

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan				Min	Interpretasi
		STS	TS	TP	S		
15	Saya hanya akan menggunakan satu mashaf sahaja semenjak saya mula menghafaz				1	6	4.85 Tinggi
					14.3%	85.7%	
18	Guru akan memperdengarkan ayat-ayat yang hendak dihafaz kemudian saya akan mengikutnya	1	3	2	1	3.42	Sederhana Tinggi
		14.3%	42.9%	28.6%	14.3%		
19	Saya akan mengulang Ulang satu ayat sehingga saya benar-benar lancar ayat itu.			2	1	4	4.28 Tinggi
				28.6%	14.3%	57.1%	

Berdasarkan Jadual 5, adalah item-item yang berkaitan tema amalan kaedah *takrir*, *talaqqi* dan *musyafahah* dengan 3 item soalan. Item 15 mencatatkan interpretasi tinggi (min=4.85), item 18 mencatatkan interpretasi tinggi (min=3.42), item 19 mencatatkan interpretasi tinggi (min=4.28).

Jadual 6: Kaedah Tafsiran dan Menulis

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan					Min	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS		
20	Saya menggambarkan ayat yang hendak dihafaz dalam ingatan			1		6	4.71	Tinggi
					14.3%		85.7%	
21	Saya akan menulis ayat yang hendak dihafaz berulang kali sebelum dan selepas menghafaznya.		2		3	2	3.00	Sederhana Rendah
				28.6%	42.9%	28.6%		
22	Saya tidak akan berpindah ke ayat yang seterusnya selagi ayat yang hendak saya hafaz belum lancar.			1	4	2	4.00	Sederhana Tinggi
				14.3%	57.1%	28.6%		

Berdasarkan Jadual 6, adalah item- item yang berkaitan amalan kaedah tafsiran dan menulis dengan 3 item soalan. Item 20 mencatatkan interpretasi tinggi (min=47.1), item 21 mencatatkan interpretasi sederhana rendah (min=3.00), dan item 22 mencatatkan interpretasi sederhana tinggi (min=4.00).

Jadual 7: Amalan kaedah chunking (Membahagi Dan Menentukan Ayat)

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan					Min	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS		
34	Saya menghafaz al- Quran lebih dari satu muka surat dalam sehari.				4	3	4.42	Tinggi
					57.1%	42.9%		
35	Saya menghafaz al- Quran sebanyak satu maqra' dalam sehari.		1	2	2	2	3.71	Sederhana Rendah
				14.3%	28.6%	28.6%	28.6%	
36	Saya menghafaz al- Quran lebih dari satu maqra' dalam sehari.		1	2	1	3	3.85	Sederhana Tinggi
				14.3%	28.6%	14.3%	42.9%	
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.81</b>	

Berdasarkan Jadual 7, adalah item- item yang berkaitan tema amalan kaedah chunking (Membahagi Dan Menentukan Ayat) dengan 3 item soalan dan mencatatkan interpretasi tinggi. Item 34 mencatatkan interpretasi tinggi

(min=4.42), dan item 35 mencatatkan interpretasi tinggi (min=3.71). Manakala item 36 mencatatkan interpretasi sederhana tinggi. (min=3.85).

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan serta data yang telah diperolehi di Sekolah Menengah / Maahad Hafiz Jeram (Banat) menunjukkan kaedah yang digunakan ialah kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah takrir, kaedah imtihan tahriri iaitu guru mendengar hafazan pelajar, pelajar mengulangi ayat yang telah dihafaz, penggunaan buku rekod hafazan disamping penyediaan mushaf tahriri dimana pelajar menulis semula ayat-ayat al-quran yang telah ditasmik serta memahami ayat.

Faktor latarbelakang pelajar dari aspek persekolahan, kekeluargaan, ekonomi, kehidupan bandar dan kampung, pendidikan ibubapa mempengaruhi terhadap kesungguhan pelajar dan kejayaan mereka dalam pengajian hafazan Al-Quran. Justeru itu, pelajar yang berjaya di bidang hafazan kebanyakannya lahir dari pelajar yang bijak diperingkat sekolah rendah, keluarga yang berpendidikan serta mendapat galakan dari keluarga masing-masing.

Manakala kaedah hafazan di Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang telah bermula semenjak tahun 1930 an lagi. Di mana ia berteraskan sistem hafazan Turki Uthmani yang telah melahirkan para huffaz yang ramai di Malaysia. Kaedah ini mampu menamatkan hafazan dalam tempoh 1-2 tahun berbanding sistem-sistem Tahfiz yang lain. Sistem Hafazan Turki dibahagikan pada peringkat pra tahfiz di mana pelajar diajar akan penguasaan tajwid dan kefahaman ayat dengan berkesan. Seterusnya diikuti dengan proses hafazan 30 juzuk, proses pemantapan hafazan, serta mengikuti program Alim dan meneruskan pengajian di Turki. Sistem Turki Uthmani juga melahirkan para huffaz yang mencintai al-quran dan berakhhlak mulia. Implikasi kajian ini menunjukkan sistem ini amat sesuai diaplikasikan di institusi-institusi tahfiz di negara ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim (2013), Shah Alam Selangor: Penerbitan Karya Bistari.  
Abdul Aziz Abdul Rauf. (1994). *Kiat Sukses Menjadi Hafidz Quran Da’iyah: Syarat Dengan Penamaan Motivasi, Penjelasan Teknik Dan Pemecahan Masalah*. Jakarta: Insan Qur’ani Press.  
Abdul Hafiz Abdullah, Hussin bin Salamon,P.M. Dr, Azmi Shah bin Suratman, Sulaiman Shakib bin Mohd Noor, Kamarul Azmi bin Jasmi & Abdul Basit bin Samat @ Darawi. (2005). *Sistem Pembelajaran dan kaedah hafazan: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.  
Abdul Hafiz bin Haji Abdullah. (2005). *Penyelidikan Jangka Pendek: Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Skudai: Research Management Centre Universiti Teknologi Malaysia.Abu Mazaya. (2005).

- Kaedah mudah dan cepat menghafaz al-Quran.* Kuala Lumpur: Penerbitan al-Hidayah.
- Ahmad al-‘Ayyid & Dawud ‘Abduh. Dr. (1989). *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi.* Al-Munazimah al-‘Arabiyyah: t.tp.
- Abu Najihat al-Hafiz. (2002). *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qariah.* Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn.Bhd.
- Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Chua Yan Piaw, (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan.* Malaysia: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.Dale H.
- Darul Quran, 2006a. *Sejarah Darul Quran.* Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2012). *Tips Hafazan al-Quran.* Negeri SembilaPustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd. Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri & Qr. Jalaluddin Hassanuddin Al Baghdadi. (2004). *Guru Al-Quran Profesional.* Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- Ee, Ah Meng. (1987). *Pedadogi Untuk Bakal Guru.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. (2018). Amalan Pembelajaran Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia.* hlm.141-148.
- Fauziah Mohd Noor. (1993). *Penghafalan al-Quran di kalangan wanita: Satu kajian di Maahad Tahfiz, Pusat Islam.* (Kertas Projek). Universiti Malaya.
- Ismail Masyhuri. (1993). *Fadhilat membaca dan menghafaz al-Quran serta panduan menghafaznya.* Kuala Lumpur: Syarikat Nurul Has.
- Ibnu Khaldun, (2003). *Muqadimmah Ibnu Khaldun.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). *Prospektus Darul Quran 2002/2003.* T.tp:t.pt.
- Kamus Dewan. (2002). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schunk. (1996). *Learning Theories.* Edisi ke-2. New Jersey USA: Prentice Hall, Inc.